

24/08/2002

Unitem unggul dengan program PJJ

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Terbuka Malaysia (Unitem) yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini, membuka lembaran baru dalam bidang pendidikan peringkat tinggi di negara ini.

Unitem adalah universiti swasta ketujuh ditubuhkan di negara ini selepas Universiti Multimedia (UMM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) dan Universiti Industri Selangor (Unisel).

Lebih menarik lagi, Unitem ditubuhkan dan disokong padu oleh 11 universiti awam menerusi Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn Bhd (Meteor), yang ditubuhkan pada 1998.

Universiti berkenaan ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sabar dan Universiti Malaysia Sarawak.

Unitem adalah anak syarikat Meteor yang kini beroperasi di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, yang dulunya adalah Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), yang kini berpindah ke Putrajaya sepenuhnya.

Timbalan Presidennya, Profesor Madya Dr Mansor Fadzil berkata, Unitem melaksanakan konsep pendidikan jarak jauh (PJJ) dan menjadi institusi pendidikan tinggi pertama melaksanakan kaedah ini sepenuhnya.

Katanya, Unitem menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara gabungan pelbagai kaedah, iaitu secara bersemuka, nota bercetak dan online.

Sebahagian daripada bahan kuliah disediakan dalam bentuk modul bercetak atau nota yang juga mengandungi kaedah mengulang kaji dan soalan latihan serta ujian.

Sebahagian lagi bahan kuliahnya dibuat dalam bentuk cakera padat dan online, iaitu menerusi Internet untuk memudahkan pelajar yang jauh dari pusat pembelajaran mengikuti setiap topik yang diajar oleh pensyarah.

Pertemuan bersemuka pula diadakan di Pusat Sokongan Pelajarnya di 17 bandar utama seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, pusat berkenaan terdapat di Alor Star, Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Bangi, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Kuching, Sibul, Miri, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

"Pelajar Unitem tidak perlu meninggalkan tempat bekerja atau tempat tinggal untuk mengikuti kuliah dan menghadiri pertemuan dengan tutor.

"Unitem juga mengambil kira pengalaman kerja pemohon dalam memilih pelajarnya bagi mengikuti sesuatu program pengajian. Justeru, universiti ini kini menjadi pilihan terbaik untuk mendapat pendidikan tinggi," katanya.

Unitem mula mengambil pelajar sejak Ogos tahun lalu dan kini menawarkan dua program diploma dan enam program ijazah pertama.

Program itu ialah Diploma Pengurusan, Diploma Teknologi Maklumat (IT), Sarjana Muda Pengurusan, Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Muda Komunikasi Multimedia.

Sarjana Muda IT, Sarjana Muda IT dan Pengurusan serta Sarjana Muda Pendidikan (TESL, Sains, Matematik, Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik).

Unitem mempunyai lima fakulti, iaitu Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan, Pusat Pengajian IT dan Komunikasi Multimedia, Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Teknikal, Pusat Pengajian Asas dan Sains dan Pusat Pengajian Pendidikan, Sastera dan Sains Sosial.

Universiti itu juga mempunyai Institut Pembangunan Profesional dan Pusat Program Pertahanan dan Keselamatan.

Dr Mansor berkata, kurikulum pengajian di Unitem digubal berdasarkan sukatan pengajian yang digunakan di 11 universiti awam, iaitu pemilik bersama Unitem.

Kurikulum itu dikemas kini dan ditambah dengan penerapan kemahiran terkini terutama dalam aspek IT, kefasihan berbahasa Inggeris, pembangunan keusahawanan dan etika profesional.

"Matlamat kami ialah memastikan graduan Unitem mampu bersaing di peringkat antarabangsa terutama dalam memilih kerjaya yang sesuai dengan kelayakan mereka," katanya.

Yuran pengajian untuk program sarjana muda di Unitem ialah kira-kira RM200 untuk setiap jam kredit.

Pelajar program diploma dan ijazah Unitem mempunyai pelbagai pilihan untuk membiayai pengajian mereka.

Selain membayar secara ansuran mengikut semester atau bulanan, pelajar universiti itu layak memohon untuk mengeluarkan caruman dalam Akaun Dua, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Mereka juga layak memohon pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Perbadanan itu menyediakan pinjaman RM20,800 untuk program ijazah pertama dan RM17,000 untuk pelajar diploma Unitem.

Di samping itu, mereka juga boleh memohon pinjaman daripada yayasan negeri dan bank tempatan.

Maklumat lanjut mengenai Unitem boleh didapati dengan mengunjungi laman web di URL <http://unitem.edu.my> atau emel kepada enquires@unitem.intranets.com atau marketing@unitem.intranets.com.

Unitem juga bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan dalam Program Pengsiswazahan Guru. Program itu terbuka kepada guru lepasan sijil dan diploma yang dijalankan secara PJJ.

Guru yang melanjutkan pengajian di Unitem mendapat gaji penuh kerana mereka tidak perlu mengambil cuti daripada perkhidmatan.

Kementerian Pendidikan yang melantik universiti itu untuk mengendalikan latihan perguruan di peringkat ijazah dengan kontrak selama lima tahun.

Unitem diminta mengambil dan melatih seramai lebih 3,500 guru bukan siswazah setahun dan dalam tempoh lima tahun, dijangka 17,000 hingga 18,000 guru akan mendapat manfaat daripada program itu.